



HEXTAR HEALTHCARE BERHAD
199601000297 (372642-U)

DASAR ALAM SEKITAR

Hextar Healthcare Berhad (“Hexcare” atau “Kumpulan”) menumpukan strategi pengurusan alam sekitar kepada penggunaan sumber yang mesra alam dan mengurangkan jejak karbon operasi diuruskan secara langsung oleh Kumpulan sambil menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar dan pengurangan kesan dalam Kumpulan. Hexcare teguh dalam mematuhi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO14001, menyokong penambahbaikan berterusan dalam prestasi alam sekitar, pembuatan bersih, dan teknologi hijau.

Selaras dengan matlamat Malaysia ke arah Pelepasan Karbon Sifar Bersih menjelang tahun 2050, Hexcare juga komited untuk mencapai kedudukan neutral karbon menjelang tahun 2030 dan Pelepasan Karbon Sifar Bersih menjelang tahun 2050. Kami komited terhadap pembangunan mampan dan perlindungan alam sekitar, dengan tumpuan untuk melaksanakan amalan berikut:

- a) Mematuhi semua keperluan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan aspek alam sekitar, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, termasuk Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- b) Menetapkan objektif dan sasaran alam sekitar berdasarkan penilaian aspek alam sekitar yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan, produk dan perkhidmatan kami untuk memastikan kelestarian sumber semulajadi serta menggalakkan impak alam sekitar yang positif;
- c) Mempromosikan kesedaran alam sekitar dalam Kumpulan dan di kalangan pekerja dan pihak berkepentingan melalui Dasar ini dan inisiatif lain, serta memastikan bahawa dasar itu tersedia kepada orang ramai;

- d) Berdedikasi untuk mencegah pencemaran termasuk pencemaran udara, air dan bunyi dalam semua operasi dan terus menambah baik sistem pengurusan alam sekitar kami untuk meningkatkan prestasi alam sekitar keseluruhan operasi harian kami, dengan pematuhan penuh terhadap peraturan berkaitan efluen dan pengurusan sisa;
- e) Mengurangkan penggunaan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui dan bahan yang tidak boleh dikitar semula dalam operasi, sambil beralih secara berperingkat kepada penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan bahan yang boleh dikitar semula untuk mengurangkan jejak karbon kami;
- f) Menggalakkan amalan pengurangan, guna semula dan kitar semula (3R) untuk meringankan beban terhadap alam sekitar dan menyelamatkan planet kita yang berharga, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 12 (SDG 12) iaitu Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab; dan
- g) Menggalakan dan melatih pekerja untuk mengintegrasikan kelestarian dalam aktiviti harian mereka serta mengamalkan pelbagai amalan mesra alam yang lain.

Dasar ini akan dikaji semula dan dipinda secara berkala untuk memastikan penambahbaikan berterusan, pematuhan terhadap perubahan peraturan serta keselarasan dengan matlamat kelestarian Kumpulan.

Julai 2025 (Semakan 1)

